



**JOURNAL OF TOURISM,
HOSPITALITY AND
ENVIRONMENT MANAGEMENT
(JTHER)**
www.jther.com



KEPENTINGAN BUDAYA DAN ADAT DALAM PENGHASILAN KRAF TANGAN DI SABAH

THE IMPORTANCE OF CULTURE AND CUSTOMS IN THE PRODUCTION OF HANDCRAFTS IN SABAH

Sharifah Darmia Sharif Adam^{1*}, Saifulazry Mokhtar², Syamsul Azizul Marinsah³, Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin⁴

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: shdarmia@ums.edu.my

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

³ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: syamsulazizul@ums.edu.my

⁴ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: mnhidayath_h@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.09.2022

Revised date: 10.10.2022

Accepted date: 30.11.2022

Published date: 15.12.2022

To cite this document:

Adam, S. D. S., Mokhtar, S., Marinsah, S. A., & Hajimin, M. N. H. (2022). Kepentingan Budaya Dan Adat Dalam Penghasilan Kraf Tangan Di Sabah. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 7 (30), 108-117.

DOI: 10.35631/JTHER.730009

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Artikel ini membincangkan tentang kepentingan budaya dan adat dalam penghasilan kraf tangan di Sabah. Kerencaman penduduk di negeri Sabah yang terdiri daripada lebih kurang 41 kumpulan etnik dan subkumpulan etnik yang menggunakan hampir 50 bahasa dan menuturkannya dalam 80 dialek, mempunyai agama serta amalan adat tradisi yang berbeza menjadikannya sebuah negeri yang mempunyai keistimewaan tersendiri. Selain itu, pluraliti etnik di Sabah juga turut menjadikan negeri tersebut kaya dengan pelbagai khazanah seni warisan tradisi budaya. Kepentingan budaya dan adat pelbagai etnik di Sabah ini dapat dilihat melalui penghasilan pelbagai kraf tangan dengan ciri-ciri seni yang melambangkan identiti etnik berkenaan. Oleh itu, perbincangan dalam kertas kerja ini difokuskan terhadap sejauhmanakah kepentingan budaya dan adat dalam penghasilan kraf tangan etnik di Sabah. Penulisan artikel ini merupakan salah satu usaha untuk menghargai penghasilan pelbagai kraf tangan yang mempunyai kaitan rapat dengan budaya dan adat yang telah diwarisi oleh masyarakat pelbagai etnik di Sabah. Kemajuan teknologi yang semakin pesat pada masa kini telah memberi kesan terhadap seni warisan kraf tangan di Sabah. Oleh itu, penulisan artikel ini akan menghasilkan satu analisis yang dapat digunakan sebagai rujukan untuk menambah baik atau merangka polisi lebih baik khususnya dalam perkara yang memberikan manfaat terhadap pemuliharaan seni warisan kraf tangan supaya

terus berkekalan dan dapat diwarisi oleh generasi muda di Sabah pada masa depan.

Kata Kunci:

Seni, Kraf Tangan, Budaya, Adat, Warisan dan Etnik.

Abstract:

This article discusses the importance of culture and customs in the production of handicrafts in Sabah. The population density in the state of Sabah which consists of approximately 41 ethnic groups and ethnic sub-groups that use almost 50 languages and speak them in 80 dialects, have different religions and traditional customs make it a state with its own special features. In addition, the plurality of ethnicities in Sabah also makes the state rich in various art treasures of cultural heritage. The importance of the culture and customs of various ethnicities in Sabah can be seen through the production of various handicrafts with artistic characteristics that symbolize the ethnic identity. Therefore, the discussion in this paper is focused on the extent of the importance of culture and customs in the production of ethnic handicrafts in Sabah. The writing of this article is one of the efforts to appreciate the production of various handicrafts that are closely related to the culture and customs that have been inherited by the various ethnic communities in Sabah. The rapid advancement of technology nowadays has had an impact on the heritage art of handicrafts in Sabah. Therefore, the writing of this article will produce an analysis that can be used as a reference to improve or formulate better policies, especially in matters that benefit the conservation of the art of handcraft heritage so that it continues to last and can be inherited by the young generation in Sabah in the future.

Keywords:

Arts, Crafts, Culture, Customs, Heritage and Ethnicity.

Pengenalan

Sabah merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia terletak di bahagian utara pulau Borneo dan berdasarkan Ismail Yusoff (1997) negeri ini mempunyai keluasan kira-kira 75,133 kilometer persegi. Kewujudan awal masyarakat di Sabah dapat dilihat melalui bukti-bukti arkeologi. Menurut Ismail Ibrahim (2012), terdapat bukti arkeologi berhubung pendudukan awal penduduk Sabah yang dijumpai di Gua Madai dan Gua Baturong di Lahad Datu, Bukit Tengkorak di Semporna, Gua Tapadong di Segama, Hagop Bilo di Kinabatangan dan Lembah Tingkayu di Kunak. Menurut pendapat Thomas Rhys Williams (1961), kira-kira 15,000 hingga 20,000 ribu tahun yang lalu telah berlaku penghijrahan penduduk dari bahagian selatan negara China ke Asia Tenggara dan kawasan-kawasan persisirnya termasuklah pulau Borneo. Antara yang berhijrah ini terdiri daripada kumpulan etnik yang pada hari ini disebut Dusun dan Murut. Berdasarkan fakta inilah dikatakan bahawa kumpulan etnik Dusun dan Murut menjadi kelompok terawal berada di Sabah. Pada hari ini, menurut Mat Zin Mat Kib (2005) Sabah merupakan sebuah negeri yang didiami oleh pelbagai etnik dengan kerencaman penduduk yang terdiri daripada lebih kurang 41 kumpulan etnik dan subkumpulan etnik yang menggunakan hampir 50 bahasa dan menuturkannya dalam 80 dialek. Penduduk Sabah bukan sahaja terkenal dengan kekayaan khazanah budaya dan adat tradisinya tetapi juga hasil seni kraftangan yang melambangkan identiti pelbagai etnik. Selain itu, Sabah juga menjadi tumpuan pelancong sama ada daripada dalam atau luar negara kerana keindahan flora dan faunanya.

Walaupun masyarakat Sabah sering dikatakan unik kerana pluraliti etniknya yang mempunyai perbezaan dari segi amalan budaya, adat dan warisan seni tetapi berdasarkan Kntayya Mariappan dan Paul Porodong (2012) perkara ini tidak menjadi halangan kepada penduduk Sabah untuk menghasilkan dan mewarisi hubungan antara etnik yang bersifat lebih harmoni semenjak awal sebelum kedatangan pengaruh luar lagi. Malahan, berdasarkan pengalaman di Sabah didapati perbezaan yang wujud antara etnik tidak menghilangkan identiti mana-mana komuniti etnik. Di samping itu juga, terdapat unsur-unsur persamaan dalam budaya yang diamalkan termasuklah persamaan dalam dialek yang digunakan antara banyak kumpulan etnik kecil di Sabah. Kepelbagaian etnik dan subetnik yang terdapat di Sabah dapat dilihat melalui jadual 1 yang disesuaikan daripada Mat Zin Mat Kib (2016) seperti berikut:

Negeri	Etnik dan Subetnik
Sabah	Abai, Alumbai, Baukan, Begahak, Bisaya, Bonggi, Bundu, Dumpas, Dusun, Gana, Garo, Gonsomon, Idahan, Kadazan, Kalabakan, Kavananan, Kedayan, Kimaragang, Kolobuan, Kolod, Kwijau, Okolor, Lingkabau, Liwan, Lobu, Lotud, Liba, Lundayo, Makiang, Malapi, Minokok, Murut, Naaboi, Nulu, Paitan, Paluan, Pingas, Rumanau, Rungus, Selunagi, Sembakung, Serudung, Sinanbu, Sinandapak, Sinopuru, Sonsogon, Ilanun, Malayu-Brunei, Sungai, Suluk, Tidong dan kumpulan kacukan 'sino' yang merupakan keturunan hasil perkahwinan orang Cina dan penduduk peribumi.

Jadual 1: Etnik Dan Subetnik Di Sabah

Berdasarkan jadual 1, jelas memperlihatkan bahawa terdapat pelbagai etnik dan subetnik yang mendiami Sabah. Menurut Sharifah Darmia Sharif Adam (2022), keunikan masyarakat Sabah dipaparkan dengan jelas melalui pluraliti etnik yang mempunyai pelbagai budaya, adat resam, bahasa, agama dan kepercayaan yang berbeza antara etnik. Kini, fenomena pluraliti sudah sinonim dan diterima secara terbuka oleh penduduk di Sabah yang dapat dilihat dengan jelas melalui sikap saling hormat menghormati yang ditonjolkan antara etnik. Menurut Ismail Ismail Yusoff (1997), Dusun atau Kadazan adalah komuniti terbesar di Sabah iaitu lebih kurang 34 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk di Sabah. Walau bagaimanapun, sehingga ke hari ini masih tidak ada kata sepakat berhubung bilangan sebenar kumpulan etnik di negeri tersebut. Sementara itu, kebanyakan pengkaji berdasarkan Roff (1969) dan Lee (1976) menggolongkan kumpulan etnik di Sabah kepada tiga kumpulan iaitu bumiputera Melayu/Islam, bumiputera bukan Melayu dan Cina. Namun, Needham R. (1955) pula menyatakan bahawa pengkategorian penduduk peribumi Sabah seperti yang dibincangkan oleh beberapa orang penulis amat mengelirukan dan merumitkan. Sungguhpun begitu, kepelbagaian etnik yang mendiami Sabah merupakan keistimewaan bagi masyarakatnya kerana menjadikan negeri tersebut terkenal dengan kekayaan pelbagai khazanah warisan budaya yang berharga seperti seni kraf tangan.

Seni Kraf Tangan Etnik di Sabah

Sabah atau juga dikenali dengan gelaran “Negeri Di Bawah Bayu” sememangnya merupakan negeri yang terkenal dengan hasil seni kraf tangan etnik khususnya hasil kraf tradisionalnya. Menurut Shahrudin Mohd. Nor (2005), seni kraf di Sabah telah wujud sejak dahulu lagi seiring dengan pengetahuan masyarakat peribumi menggunakan sumber-sumber alam untuk

kegiatan kehidupan mereka. Kini, terdapat pelbagai produk kraf tangan yang dihasilkan berdasarkan keperluan dalam kehidupan seharian masyarakat Sabah. Sememangnya kerencaman masyarakat Sabah yang terdiri daripada pelbagai etnik dan subetnik telah menjadikan negeri tersebut kaya dengan pelbagai khazanah seni warisan tradisi budaya dan adat resam. Dapat dikatakan bahawa Sabah dengan keunikan budaya dan adat masyarakatnya ibarat gedung yang menyimpan pelbagai warisan seni. Budaya dan adat yang telah diwarisi sejak turun temurun di Sabah ini dapat dilihat melalui penghasilan pelbagai produk warisan seni dengan ciri-ciri seni yang melambangkan identiti sesuatu etnik berkenaan. Secara umumnya, setiap etnik di Sabah mempunyai kemahiran seni yang tersendiri. Antaranya adalah seni kraf tangan seperti tenunan, anyaman, ukiran dan sebagainya yang telah pun wujud sejak sekian lama di Sabah.

Definisi kraf tangan berdasarkan Wikipedia daripada https://ms.wikipedia.org/wiki/Kraf_tangan merujuk kepada kerja penghasilan peralatan berguna atau hiasan dengan menggunakan tangan sepenuhnya atau perkakas ringkas sahaja dibuat secara perseorangan atau kecil-kecilan dan hasil kraf tangan selalunya membawa kepentingan kebudayaan atau keagamaan. Sementara itu, menurut Kamus Bahasa Melayu daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kraf+tangan>, kraf tangan didefinisikan sebagai perusahaan (kerja, seni dan sebagainya) yang memerlukan daya cipta dan kemahiran menggunakan tangan. Terdapat pelbagai jenis kraf tangan yang dihasilkan oleh masyarakat pelbagai etnik di Sabah yang mempunyai kegunaan dalam kehidupan seharian mereka seperti untuk upacara mengikut adat, aktiviti pertanian dan berburu binatang. Hari ini, kraf tangan yang dihasilkan bukan sahaja digunakan untuk kegiatan seharian tetapi juga menjadi salah satu industri yang dapat membantu perkembangan ekonomi negara.

Menurut Dayang Rosidah Awang Tinggal dan Mustafa Alba Ibrahim (2005), Seni kraf tangan yang diperbuat daripada bahan seperti buluh atau bambu adalah antara yang paling popular di Sabah. Kraf tangan daripada bahan buluh ini terdapat hampir di semua daerah Sabah. Kegunaan buluh ini sangat meluas untuk kegunaan lain juga seperti untuk membuat rumah, rakit, perangkap binatang, peralatan muzik dan sebagainya. Namun begitu, Dayang Rosidah Awang Tinggal dan Mustafa Alba Ibrahim (2005) juga menyatakan bahawa penghasilan seni kraf tangan daripada bahan bambu ini berbeza antara satu etnik dengan etnik yang lain. Ia juga berbeza mengikut daerah dari segi motif dan rekaannya. Antara produk yang dihasilkan menggunakan bahan dari bambu adalah seperti *takinan*, *kapa*, *bobotan*, seraung (topi), tikar dan nyiru. Barangan kraf tangan tersebut dihasilkan untuk tujuan kegunaan harian di ladang dan juga rumah. Antara etnik yang sering menghasilkan kraf tangan tersebut adalah etnik Dusun, Murut, Brunei, Kedayan dan Lundayeh. Antara contoh hasil kraf tangan tersebut ditunjukkan dalam Rajah I, Rajah II, Rajah III dan Rajah IV seperti berikut:



Rajah I: Seraung (Topi)



Rajah II: Nyiru



Rajah III: Bobotan



Rajah IV: Tikar


Selain itu, terdapat satu lagi kraf tangan etnik yang dihasilkan menurut Dayang Rosidah Awang Tinggal dan Mustafa Alba Ibrahim (2005) iaitu anyaman tikar menggunakan daun pandan atau daun mengkuang. Sama seperti kraf tangan daripada bahan lain, anyaman tikar daun pandan juga mempunyai perbezaan dari segi motif antara satu daerah dengan daerah yang lain. Misalnya, tikar pandan yang dihasilkan oleh etnik Brunei di daerah Papar mempunyai perbezaan yang ketara dengan tikar pandan yang dihasilkan oleh etnik Iranun di Kota Belud. Ia juga berbeza dengan tikar pandan yang dihasilkan oleh etnik Bajau dan Suluk di daerah Semporna. Malahan perbezaan juga dapat dilihat melalui cara bahan mentah seperti daun pandan atau daun mengkuang tersebut diproses. Sebagai contoh hasil kraf tangan tersebut ditunjukkan dalam Rajah V seperti berikut:



Rajah V: Tikar

Seterusnya, terdapat satu kraf tangan menarik dan berwarna-warni yang dihasilkan oleh etnik di Sabah iaitu kraf manik. Kraf manik merupakan antara kraf tangan terkenal yang dihasilkan oleh etnik Rungus di daerah Kudat. Kraf manik ini digunakan secara meluas dalam kalangan etnik Rungus dan biasanya digunakan sebagai perhiasan yang dipakai pada majlis perkahwinan dan majlis keramaian. Kraf yang terdiri daripada pelbagai warna ini digunakan untuk

menghasilkan produk seperti selempang, gelang tangan, rantai dan hiasan kepala. Contoh hasil kraf manik ditunjukkan dalam Rajah VI seperti berikut:



Rajah VI: Kraftangan Manik

Kepentingan Budaya Dan Adat Dalam Penghasilan Kraf Tangan di Sabah

Berdasarkan Dayang Rosidah Awang Tinggal dan Mustafa Alba Ibrahim (2005), tamadun manusia menunjukkan penghasilan kraf tangan bermula daripada ciptaan barangan kegunaan harian. Menurutny lagi terdapat pandangan bahawa manusia pada zaman dahulu mempunyai banyak masa lapang membolehkan mereka menghasilkan barangan untuk kegunaan harian mereka dan seterusnya menjadi satu budaya dalam kehidupan seharian mereka. Di samping itu, sikap kreatif menghasilkan rekaan dan bahan mentah yang mudah diperolehi daripada persekitaran tempat tinggal mereka turut membantu menghasilkan pelbagai kraf tangan bagi kegunaan harian. Penghasilan pelbagai barangan untuk kegunaan harian lama kelamaan ditambah pula dengan pengamatan terhadap alam semula jadi telah mewujudkan berbagai motif, gubahan, teknik anyaman, warna dan penggunaan bahan mentah. Sementara itu, menurut Siti Zainon Ismail (1986), penghasilan seni kraftangan oleh masyarakat tempatan adalah sebagai keperluan kehidupan seharian. Situasi ini sama seperti tujuan masyarakat Sabah menghasilkan kraf tangan adalah untuk penginapan atau perlindungan, pakaian, peralatan berburu atau pertanian dan peralatan untuk upacara adat atau agama.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Dayang Rosidah Awang Tinggal dan Mustafa Alba Ibrahim (2005), penghasilan pelbagai kraf tangan adalah disebabkan oleh penggunaannya begitu penting dalam budaya dan adat resam etnik berkenaan. Dalam masyarakat Sabah, hasil kraf tangan dapat dilihat kepentingannya digunakan dalam upacara ritual, majlis perkahwinan dan juga upacara adat-adat etnik. Sebagai contohnya lagi, etnik Kadazandusun menghasilkan kraf tangan daripada buluh dan rotan untuk kegunaan dalam kegiatan pertanian seperti *wakit*, *seraung* atau topi yang digunakan untuk berlindung daripada panas terik sinaran matahari ketika menjalankan aktiviti pertanian, *berait* dan *sikutan* yang digunakan untuk mengangkut hasil tanaman. Manakala etnik Iranun menghasilkan tenunan yang digunakan sebagai tanjak, selimut, pakaian tradisional dan sebagainya. Dengan itu, jelaslah ditunjukkan bahawa budaya dan adat mempunyai kepentingan dalam penghasilan kraf tangan etnik di Sabah sebagai barang keperluan dalam kehidupan seharian mereka.

Penghasilan kraf tangan yang unik dan menarik di Sabah juga turut dipengaruhi oleh cara hidup dan persekitaran tempat tinggal sesuatu etnik. Hal ini menurut Shahrudin Mohd. Nor (2005) menyatakan bahawa seni kraf di Sabah wujud seiring dengan pengetahuan masyarakat peribumi menggunakan sumber-sumber alam untuk kegiatan kehidupan mereka. Sebagai sebuah negeri yang kaya dengan budaya dan adat tradisi menyebabkan kebanyakan kraf tangan dihasilkan mengikut budaya etnik masing-masing. Hal ini bermakna bahawa seni kraf di Sabah sangat berkait rapat dengan budaya etnik dan ia berkembang selaras dengan perubahan yang berlaku terhadap kehidupan etnik tersebut. Di samping itu, penghasilan kraf tangan juga turut dipengaruhi oleh penggunaan bahan-bahan mentah iaitu sumber-sumber alam yang terdapat di persekitaran kawasan tempat tinggal sesuatu etnik.

Berdasarkan penelitian, didapati seni kraf tangan di Sabah melambangkan keunikan setiap etnik di negeri tersebut. Keunikan tersebut diterjemahkan dengan jelas melalui motif-motif yang melambangkan kehidupan dan kepercayaan sesuatu etnik. Pendek kata, penghasilan kraf tangan mempunyai ciri-ciri seni yang melambangkan identiti etnik tertentu. Dengan kepelbagaian etnik yang terdapat di Sabah telah mempengaruhi keindahan penghasilan kraftangan di negeri berkenaan. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa penghasilan sesuatu kraf tangan itu juga dipengaruhi oleh amalan budaya dan adat dalam kehidupan seharian sesuatu etnik. Perkara ini menurut Dayang Rosidah Awang Tinggal dan Mustafa Alba Ibrahim (2005), dapat dilihat berdasarkan reka corak, motif atau penggunaan bahan kraf tangan sesuatu etnik banyak diilhamkan daripada kehidupan seharian mereka. Sebagai contohnya, tenunan etnik Iranun di Kota Belud menggunakan motif alam semulajadi dan haiwan seperti pucuk ubi, bunga kapas, *begadat* (beradat), kuda, ayam, *samping kundur* (bunga tembikai) dan sebagainya. Sementara itu, etnik Kadazandusun juga didapati menggunakan motif alam semulajadi dan haiwan seperti kera, ketam, ular, kelawar, bunga selindang, sungai dan *minongkwat* (sejenis bunga) dalam penghasilan sesuatu kraf tangan. Dalam masa yang sama, bahan mentah yang banyak di persekitaran tempat tinggal seperti daun nipah, daun mengkuang dan daun pandan turut mempengaruhi etnik Bajau dan Brunei untuk menghasilkan kraf tangan daripada bahan-bahan mentah tersebut bagi kegunaan seharian mereka seperti tikar, tudung saji dan topi.

Sesuatu bangsa itu dikenali melalui budaya termasuk hasil kerja tangan mereka. Kemahiran kerja tangan yang dikenali sebagai seni tampak menurut Sintiong Gelet (2005), merujuk kepada pelbagai seni kerja tangan merangkumi seni lukis arca dan pertukangan tangan seperti tenunan, tekatan, sulaman, anyaman, ukiran, tembikar, logam dan sebagainya yang menghasilkan motif-motif tertentu. Menurut Sintiong lagi, masyarakat Sabah pada awalnya menghasilkan motif-motif tertentu melalui kehalusan kerja tangan mereka dalam pembuatan peralatan kegunaan harian seperti pertukangan kayu untuk perhiasan, tenunan pakaian, anyaman tikar, bakul dan lain-lain keperluan harian. Selain itu, walaupun penghasilan motif sesuatu hasil seni tampak banyak bergantung kepada daya kreativiti seseorang pengkarya namun ilham motif tersebut kebanyakannya dipengaruhi oleh pandangan hidup sesuatu etnik seperti dari mana asalnya serta keadaan persekitarannya.

Menurutnya lagi, corak budaya sesuatu etnik pula berkait rapat dengan kepercayaan, pekerjaan dan alam sekeliling mereka. Keadaan yang sama turut berlaku bagi masyarakat Sabah yang menunjukkan penghasilan kraf tangan pada peringkat awal khususnya mendapat pengaruh kosmos masyarakat berkenaan. Dengan erti kata lain, sesuatu kraf tangan yang terhasil merupakan gabungan idea yang disebut sebagai 'pandangan terhadap dunia' dan hubungan

dengan persekitaran. Unsur-unsur budaya sangat penting terutamanya dalam masyarakat awal di Sabah. Hal ini dikaitkan dengan kepercayaan mereka terhadap sistem adat yang menjadi landasan segala perlakuan hidup dan hukum masyarakat. Menurut Saidatul Normis Hj. Mahali (2017), adat yang diwarisi dari generasi ke satu generasi yang lain memainkan peranan penting dalam kehidupan sehari-hari kaum peribumi Sabah. Sebagai contohnya, etnik Kadazan Dusun percaya bahawa wujudnya hubungan yang erat antara manusia dan alam semesta dan dirangkum dalam adat. Oleh itu, jika berlaku pelanggaran adat, ia dipercayai akan mendatangkan kesan buruk terhadap masyarakat dan alam semesta. Dengan itu, jelaslah bahawa budaya dan adat begitu penting dalam penghasilan pelbagai kraf tangan etnik di Sabah.

Kesimpulan

Budaya dan adat berperanan penting dalam penghasilan seni kraf tangan pelbagai etnik di Sabah. Pelbagai produk kraf tangan dihasilkan mengikut budaya dan adat yang menjadi lambang sesuatu etnik. Oleh itu, pentingnya budaya, adat dan persekitaran alam semula jadi atau tempat tinggal sesuatu etnik itu dipelihara serta dilindungi. Perkara ini bukan sahaja akan dapat meneruskan kelangsungan penghasilan kraf tangan tetapi juga supaya ia dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Pelbagai pihak seperti kerajaan, badan bukan kerajaan, masyarakat dan individu perlu bekerjasama dalam usaha pembangunan seni kraf tangan bagi membolehkan kraf tangan etnik berkembang ke peringkat global. Di samping itu, generasi muda di Sabah juga mempunyai peranan dalam memastikan seni kraf tangan ini terus berkembang. Mereka bukan sahaja perlu komited dan bangga dengan warisan seni kraf tangan tetapi juga menjadi kreatif supaya hasil kraf tangan berupaya bersaing agar tidak hilang ditelan arus zaman.

Penghargaan

Manuskrip ini diterbitkan melalui sebahagian dari dana Geran Penerbitan dari Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd.

Rujukan

- Dayang Rosidah Awang Tinggal dan Mustafa Alba Ibrahim. (2005). 'Motif Etnik Sabah: Satu Persepsi Visual Pada Permukaan Kraf', dalam Ismail Haji Ibrahim dan Jane Wong Kon Ling (Editor), *Warisan Etnik di Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Definisi Kraf tangan, Tarikh akses 28 Oktober 2022 daripada https://ms.wikipedia.org/wiki/Kraf_tangan
- Definisi Kraf tangan, Tarikh akses 28 Oktober 2022 daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kraf+tangan>
- Ismail Ibrahim. (2012). *Warisan Motif dan Corak Murut*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail Yusoff. (1997). *Politik dan Agama di Sabah, Bangi*: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kntayya Mariappan dan Paul Porodong. (2012). 'Kepelbagaian Etnik di Sabah', dalam Kntayya Mariappan dan Paul Porodong (Penyunting), *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah.
- Lee, Edwin. (1976). *The Towns of Sabah*. Singapore: Singapore University Press.
- Mat Zin Mat Kib. (2005). "Kumpulan Etnik di Sabah: Sejarah dan Perkembangan" dalam *Warisan Seni Etnik Sabah*, Ismail Haji Ibrahim dan Jane Wong Kon Ling (editor), Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

- Mat Zin Mat Kib. (2016). 'Kumpulan Etnik Dusun dan Kadazan di Sabah Daripada Perspektif Banci Penduduk: Satu Tinjauan Awal" dalam Mat Zin Mat Kib, Christina Andin dan Ismail Ali (penyunting), *Pluralisme: Etnisiti Sabah dan Sarawak*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Needham R. (1955). A Note on the Ethnic Classification in Borneo. *JMBRAS*.28 (1).
- Roff, Margeret. (1969). The Rise and Demise of Kadazan Nationalism. *Journal of Southeast Asian History* 10.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2017). 'Undang-undang Adat Dalam Konteks Peribumi Sabah', dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali. *Pumpunan Budaya Peribumi di Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Shahrudin Mohd. Nor. (2005). 'Seni Kraf Warisan Etnik Sabah: Cabaran dan Masa Hadapan', dalam Ismail Haji Ibrahim dan Jane Wong Kon Ling (Editor), *Warisan Etnik di Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Sharifah Darmia Sharif Adam. (2022). 'Pluraliti Etnik Borneo' dalam Halina Sandera Mohd Yakin, Rosmah Derak dan Abdul Hair Beddu Assis (Penyunting). *Pengajian Liberal dan Kelangsungannya Dalam Landskap Pendidikan Negara*, Kota Kinabalu: Penerbit Univeristi Malaysia Sabah.
- Sintiong Gelet. (2005). 'Pengaruh Kosmos dalam Penghasilan Motif Seni Tampak Masyarakat Awal Sabah', dalam Ismail Haji Ibrahim dan Jane Wong Kon Ling (Editor), *Warisan Etnik di Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Siti Zainon Ismail. (1986). *Rekabentuk Kraf Tangan Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan Malaysia.
- Williams T. R. (1961). Ethni-Historical, Relationships and Pattern Costumary Behavior Among North Borneo Native People. *Sociologus*, Vil. 11, no. 1, Duncker & Humblot GmbH.